




Penyediaan Kuiz dan Permainan (Game) dengan Aplikasi *Genially*

Siti Asmah Mohamed


Pengenalan *Genially*: *Genially* merupakan aplikasi yang boleh digunakan secara percuma selepas mendaftar untuk penggunaanya membuat kandungan imej interaktif, baik dalam bentuk poster, video, infografik, penyediaan slaid, kuiz dan gamification dan sebagainya. Bahan yang dihasilkan boleh di kongsi bersama orang lain. Templat yang disediakan telah dimasukkan pelbagai elemen seperti corak yang menarik, animasi, audio, transition dan lain-lain lagi. Bayaran hanya dikenakan sekiranya pengguna ingin menggunakan templat premium yang boleh dimuat turun hasilnya dalam bentuk PDF dan JPG sekiranya untuk melihat bahan tersebut diluar talian. Semuanya sangat menarik dan jarang diperolehi dari aplikasi yang lain.

Salah satu kaedah bahan pengajaran yang menarik dan berkesan untuk menguji daya ingatan pelajar ialah melalui penyediaan kuiz dan permainan (game) yang disediakan dalam *genially*. Terdapat pelbagai templat kuiz dan permainan (game) menarik yang boleh dipilih untuk memberikan pengalaman belajar yang menarik disamping pelajar dapat mengulangi berulang kali dan tiada markah diberikan. Berikut adalah langkah-langkah penyediaan kuiz dan permainan (game).


Langkah pertama: Tekan pada butang CREATE GENEALLY.




Langkah kedua: Kemudian tekan pada Gamification dan tekan pada create.




Langkah ketiga: Pilih templat kuiz dan game yang anda suka. Terdapat lebih daripada 68 templat kuiz dan game yang percuma dan sentiasa ditambah dari masa ke semasa.



Nota: Anda boleh melihat kandungan templat dengan tekan butang preview atau start sebelum menekan "use this template". Pastikan anda faham terlebih dahulu bagaimana kuiz atau game tersebut berfungsi sebelum membuat pilihan.




Langkah keempat: Setelah memilih templat, anda hanya perlu memasukkan soalan dan jawapan yang betul dan salah. Hal ini kerana templat tersebut telah disusun dengan betul mengikut butang yang akan ditekan oleh pelajar.




The screenshot shows a digital assessment tool interface. On the left, there's a sidebar with options like 'Add page', 'Question 01' (containing a statement and two buttons: 'TRUE' and 'FALSE'), 'Answer 01' (containing a statement and a 'List' button), and 'Grid'. The main area displays a question card with a blue header 'Tambahan Sound jika perlu' (Add sound if needed). Below it is a statement 'Jumlah soalan Dot Product of two unit vectors is again a unit vector.' followed by 'Dot Product of two unit vectors is again a unit vector.' A red oval highlights the statement, and a red arrow points to the 'TRUE' button below it. Another red oval highlights the 'List' button in the sidebar. On the right, there's a large red button labeled 'Pilihan warna tema' (Theme color selection). At the bottom, there's a question card with a blue header 'Rasional bagi jawapan betul' (Reason for correct answer). It features a blue image of a fish, the text 'dot product is a scalar', a 'Next' button, and a large red button labeled 'FALSE'. The bottom navigation bar includes standard icons for adding pages, deleting, zooming, and navigating.


Langkah kelima: Seterusnya untuk penambahan soalan didalam templat, gerak cursor pada laman yang ingin ditambah dan tekan “add page”.



Langkah Keenam: Tekan butang “animation” untuk link jawapan tersebut ke laman yang betul. Kemudian tekan butang “save”.



A screenshot of a digital template interface. The main question text is: 'Dot Product of a vector with itself is equal to the square of its length.' Below the text are buttons for 'Lock', 'Hand', 'Next page', and 'Animation' (with a red arrow pointing to it). Below these buttons is a large green button labeled 'TRUE' and a red button labeled 'FALSE'. At the bottom, there are various navigation and zoom controls.




A screenshot of a digital template interface showing the 'Interactivity' panel. The panel includes a 'Name the element' input field and a 'Select a page you want to link to' dropdown. The dropdown lists various pages from the template, including 'Cover', 'Question 01', 'Answer 01', 'Question 02', 'Answer 02', 'Question 03', 'Answer 03', 'Question 04', 'Answer 04', 'Question 05', 'Answer 05', and 'Question 13'. At the bottom right of the panel, there is a 'DELETE' button and a 'SAVE' button (with a red arrow pointing to it).


Langkah ketujuh: Masukkan nama fail bagi kuiz/game tersebut dan tekan “save”.



Langkah kelapan: Setelah semua siap, anda boleh tekan “ALL SET”. Akhir sekali, anda boleh berkongsi kuiz/game tersebut kepada pelajar.



Nota: Tekan butang share. Lihat pada ikon Link. Tekan pada perkataan COPY. Paste link tersebut di dalam aplikasi WhatsApp atau Telegram. Laman web *genially* akan dipapar dan pelajar boleh menjawap.



The screenshot shows the sharing options for a Genially link. At the top, there are buttons for Link, Insert, Send via email, Social networks, and Others. Below this, there are two main sharing options: "VIEW AS SOCIAL PAGE" and "VIEW AS EXCLUSIVE PAGE". Both options include a "COPY" button and a "VIEW" button. A large red arrow points from the text above down to the "COPY" button for the "VIEW AS SOCIAL PAGE" option.

VIEW AS SOCIAL PAGE
Public social link with comments

<https://view.genial.ly/613874702a40d410367bd5...> **COPY** **VIEW**

VIEW AS EXCLUSIVE PAGE Premium ★
Public link or private exclusive link.

<https://view.genial.ly/5e4d83eda...> **COPY** **VIEW**

SELAMAT MENCUBA!

Rujukan:

<https://view.genial.ly/613874702a40d410367bd5c9/interactive-content-true-or-false>

